



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

Ai

EDISI 12


JUN 2024

# BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media  
in Teaching and Learning*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Pemanfaatan Video YouTube dan Video TikTok dalam Pembelajaran Bahasa Arab

**NORSHIDA HASHIM & SYAHIRAH ALMUDDIN**  
**UiTM KAMPUS KUALA PILAH**

Kini, teknologi telah menjadi aspek penting dan keperluan utama kepada semua individu dan masyarakat. Perkembangan teknologi telah menyumbang kepada peningkatan tahap komunikasi manusia. Ramai orang menggunakan platform media untuk meluahkan perasaan, berkongsi ilmu dan idea di platform media. Platform media yang dikenali sebagai media sosial ini telah menjadi medium rujukan utama masyarakat seluruh dunia untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu perkara kerana media sosial menyediakan maklumat terkini yang diperlukan masyarakat secara cepat. Aktiviti pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Arab juga telah berkembang melalui media sosial. Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bermula dari peringkat tadika lagi. Subjek bahasa Arab telah dimasukkan ke dalam sukanan pembelajaran secara formal sejak dari sekolah rendah, menengah sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengikut keperluan kurikulum dan aliran yang dibawa.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), bahasa Arab merupakan kursus elektif yang boleh diambil oleh para pelajar dari pelbagai program. Kursus bahasa Arab di UiTM merupakan kursus 2 jam kredit yang memperuntukkan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) sebanyak 80 jam bagi sepanjang semester. Jam Pembelajaran Pelajar ini merangkumi 28 jam pertemuan secara bersemuka (*Face-to-Face*) sepanjang semester kerana pelajar hanya bertemu dengan pensyarah selama 2 jam sekali pada setiap minggu. Manakala Jam Pembelajaran Pelajar yang berbaki perlu diperuntukkan pelajar secara pembelajaran secara kendiri (*Self Study*) selain Jam Penilaian (*Assessment*).

Bagi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab hanya terbuka kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda di bawah Fakulti Sains Gunaan. Pelajar yang memilih subjek bahasa Arab di UiTM mempunyai perbezaan latar belakang pendidikan (aliran agama dan bukan aliran agama) menyebabkan pelajar sukar menguasai subjek ini dengan baik kerana tiada atau kurang asas terhadap subjek berkenaan. Di samping itu, jam pembelajaran yang terhad bersama pensyarah perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar semasa pembelajaran kendiri pelajar. Oleh itu, pensyarah juga memainkan peranan dalam membantu pelajar untuk memenuhi Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) dengan menyediakan bahan pengajaran tambahan untuk digunakan pelajar di luar waktu kelas. Justeru, antara pendekatan yang diambil adalah berkongsi dengan pelajar video dari TikTok dan YouTube yang berkaitan dengan topik yang dipelajari seperti berkaitan dengan pengenalan diri dalam bahasa Arab, nama buah-buahan, nama haiwan, kata tanya dalam bahasa Arab dan kata kerja bahasa Arab. Kesemua video tersebut dipersembahkan dalam bentuk nyanyian. Hal ini dapat membantu pelajar untuk memahami konsep yang dipelajari dengan lebih mudah. Pelajar juga dapat menghafal dan mengingati tajuk yang dipelajari dengan cara yang lebih menarik dan interaktif seperti menggunakan lagu dan menggunakan animasi. Musa et. al (2022) mendapati bahawa guru-guru memberikan respon yang baik terhadap penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab. Dapatkan kajian turut menunjukkan peningkatan motivasi yang tinggi dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Guru bahasa Arab juga mempunyai tanggapan yang baik terhadap penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dan seterusnya dapat memberi impak yang positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di sekolah.

Video-video dari YouTube dan TikTok dapat dimanfaatkan dengan melakukan perkongsian di dalam kelas mengikut topik yang terdapat di dalam silibus. Kajian Dağbaşı et. al. (2023) mendedahkan bahawa penggunaan video YouTube dalam proses pengajaran bahasa Arab adalah berfaedah. Pelajar berpendapat video YouTube membantu mereka membuat persediaan sebelum proses pembelajaran dan membantu mereka mengulangkaji pembelajaran yang telah dipelajari. Selain itu, Almurasyi (2016) dalam kajiannya mengenai keberkesanan penggunaan video YouTube sebagai bahan pengajaran tambahan dalam pengajaran bahasa Inggeris mendapati YouTube boleh menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran yang baik untuk membantu pelajar memahami apa yang dipelajari.

Bagi kod TAC401 (Introductory Arabic Level I), antara topik yang paling asas yang dipelajari pelajar adalah topik pengenalan diri dan ucapan harian dalam bahasa Arab. Antara video yang boleh digunakan sebagai rujukan pelajar untuk topik ini adalah:

Video 1:  
<https://www.youtube.com/watch?v=haOjP7SSxIA>

Video 2:  
<https://www.youtube.com/watch?v=8mdg7I6ttDM>

Video 3:  
<https://www.youtube.com/watch?v=ywoZungEt08>

Video 4:  
<https://www.youtube.com/watch?v=47E-rw0-sA4>

Perkongsian video dari TikTok dan YouTube dapat diperolehi dengan membuat carian di kedua-dua platform ini mengikut tema dan topik yang dikehendaki. Antara akaun TikTok yang boleh diikuti untuk mendapatkan bahan pembelajaran berbahasa Arab adalah:

- stepbysteparabic
- arabicgoogle
- Sir Syazwan
- Jahnoor Zack
- alfaqirwanHafiz\_Official
- IkhmalNour


Manakala channel YouTube yang boleh diikuti adalah:

- Learn with Safaa
- Arabic with Toqa
- Learn Arabic with ArabicPod101
- Madinah Arabic
- Learn Arabic with Khasu
- Learn with Zakaria
- Arabic Khataawaat
- Ustaz Azhari Abdul Rahman (Novarts Production #KITABA)
- Mohammad Farid Abdul Talib

Antara kebaikan dan manfaat menggunakan video YouTube dan TikTok dalam pembelajaran sebagai bahan tambahan adalah dapat meraikan gaya pembelajaran pelajar yang pelbagai (visual, auditori dan kinestetik), pelajar berpeluang mempelajari bahasa Arab dari pakar di seluruh dunia. Pelajar berpeluang mempelajari bahasa dari penutur asal bahasa Arab, pelajar boleh menambah maklumat tambahan mengenai bahasa Arab secara percuma tanpa had masa dan dapat menambah kemahiran pembelajaran pelajar secara kendiri menggunakan video yang interaktif dan menarik. Baharudin dan Khodari (2022) dalam kajian mereka mengenai tahap penggunaan video YouTube dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab menggunakan video YouTube ini menunjukkan bahawa YouTube bermanfaat dalam menaikkan motivasi pelajar untuk melatih kemahiran mendengar bahasa Arab mereka. Perkara ini turut disokong oleh Aboudahr (2020) yang mendapati YouTube memberikan impak yang sangat penting bagi meningkatkan kemahiran mendengar pelajar yang bukan penutur asli bahasa Arab.



Perkongsian video dari YouTube ke dalam kumpulan Whatsapp kelas mengikut kod kursus



Video perkongsian yang diperolehi dari TikTok

## Rujukan

- Aboudahr, S. M. F. (2020). The Effect of Using Youtube to Increase the Level of Listening Skills Among Non-Native Students of Arabic Speakers in Malaysian Universities. In: *Education Quarterly Reviews*, 3(2), 207-219.
- Almurasyi, W. A. (2016). The Effective Use Of Youtube Videos For Teaching English Language In Classrooms As Supplementary Material At Taibah University In Alula. *International Journal of English Language and Linguistics Research*, 4(3), 32-47. Retrieved from [www.eajournals.org](http://www.eajournals.org)
- Baharudin, H., & Khodari, S. N. T. (2022). The Use of YouTube Motivates Students in Improving their Arabic Listening Skills. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(6), 1152 – 1164.
- Dağbaşı, Gürkan and Demir, Yasin Murat and Ozcan, Murat (2023). Opinions of Arabic Prep Class Students on the use of YouTube in Teaching Arabic. *Education Quarterly Reviews*, Vol.6 No.1 (2023), Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=4346859>
- Musa, M. K., Mohd Noor, M. N., & Md Sharipp, M. T. (2022). Keberkesanan Penggunaan Animasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 66 - 80.